



# DASAR-DASAR AWAM

# PENDAHULUAN

- Matlamat untuk menjadi sebuah negara yang makmur lagi bersatu padu berasaskan sistem demokrasi dalam suasana pembangunan yang aman dan stabil.
- Mempunyai keunikan tersendiri
  - Terbahagi kepada dua wilayah iaitu Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak.
  - Berbilang bangsa, keturunan, agama dan kebudayaan.
  - Mempunyai hasil bumi seperti petroleum, timah dan sebagainya
  - Tidak menghadapi masalah bencana alam.
- Oleh itu Malaysia perlu mempunyai dasar yang bukan sahaja dapat mengembleng sumber-sumber tetapi boleh mengurangkan jurang perbezaan antara kaum dan wilayah (Memantap perpaduan dan integrasi nasional).

# Perspektif Sejarah

## 1. Era Penjajahan British

- Matlamat pemerintahan penjajah mendapatkan seberapa banyak hasil yang boleh untuk dibawa pulang ke negaranya.
- Akibatnya negara masih mempunyai ciri samada dari segi fizikal atau mental yang menghalang pengujudan satu masyarakat bersatupadu.
- Kedudukan ekonomi tidak seimbang antara kaum dan wilayah.

## 2. Era Malayan Union (1946) – Kemerdekaan (1957)

- Wujud perasaan kebangsaan yang berkobar-kobar disamping peningkatan penglibatan pemerintah dalam perkhidmatan awam.
- Wujud pergerakan politik berasaskan satu-satu kaum

# Perspektif Sejarah (Samb..)

## 3. Era Kemerdekaan - Peristiwa 13 Mei 1969

- Mendedahkan betapa penting keseimbangan antara kemajuan sosiopolitik negara dengan kemajuan dan pengagihan pendapatan pelbagai kaum.
- Pembahagian gunatenaga dan kegiatan ekonomi dilakukan mengikut kaum.
- Asas perpaduan dan isu sensitif terhadap kewarganegaraan dan kedudukan hak istimewa terus dipersoalkan menyebabkan tercetusnya rusuhan kaum pada 13 Mei 1969.

## 4. Era Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (1971-1990)

- Untuk mencapai perpaduan negara melalui penghapusan penghalang utamanya iaitu kemiskinan dan struktur sosiopolitik dan ekonomi yang tidak seimbang.
- Rukun negara diperkenal.
- Perkembangan pesat sejak dilancar pada 1971.
- Kemelesetan pada tahun 1980an – pencapaian DEB terbantut.

# Perspektif Sejarah (Samb..)

## 5. Era Dasar Pembangunan Nasional (1991-2000)

- Digubal berteraskan Wawasan 2020
- Mengekalkan matlamat DEB untuk mencapai pembangunan seimbang dan pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama.
- Dimesi tambahan: Isu pembangunan sumber manusia, sains dan teknologi teras penting dalam perancangan dan pembangunan sosioekonomi serta perlindungan alam sekitar dan ekologi.

## 6. Era Dasar Wawasan Negara (2001-2010)

- Tujuan DWN untuk membina bangsa Malaysia yang progresif dan makmur serta hidup dalam harmoni.
- Meneruskan usaha-usaha dalam rancangan pembangunan lepas disamping memperkukuhkan asas peralihan kepada sebuah negara maju.
- Mengabungkan strategi utama DEB dan DPN.

# Dasar Awam Malaysia

- Pengubalan dan pelaksanaan dasar-dasar adalah selaras dengan nilai sosioekonomi dan politik negara pada satu-satu masa.
- Digubal dan dilaksanakan bagi memenuhi objektif sosioekonomi seperti pertumbuhan ekonomi, pengagihan pendapatan, kestabilan dan kebajikan (Kesejahteraan) umum
- Dasar Awam yang akan dibincangkan seperti:
  - a. [Dasar Pembangunan Nasional.](#)
  - b. [Dasar Buruh Negara.](#)
  - c. [Dasar Persyarikatan Malaysia.](#)
  - d. [Dasar Penswastaan.](#)
  - e. [Dasar Pendidikan.](#)
  - f. [Dasar Sains Dan Teknologi.](#)
  - g. [Dasar Perindustrian.](#)
  - h. [Dasar Bersih, Cekap dan Amanah.](#)
  - i. [Dasar Pandang ke Timur.](#)
  - j. [Dasar Pertanian Negara.](#)

# TERIMA KASIH